

04 AUG 2003

ISA: KEJAYAAN MALIK TANAM SEMANGAT MALAYSIA BOLEH

PORT DICKSON, 4 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata kejayaan Abdul Malik Mydin menakluki Selat Inggeris, mengukuhkan lagi semangat Malaysia Boleh di kalangan rakyat negara ini.

Katanya selain daripada Abdul Malik mencipta sejarah bagi dirinya dan bangsa Malaysia, yang lebih penting ialah kejayaan Abdul Malik, menyuntik semangat Malaysia Boleh yang lebih mendalam.

"Ini kerana apabila semangat Malaysia Boleh diterapkan dalam kehidupan, kita akan berusaha ke arah mencapai kejayaan dalam apa juga bidang. Semangat ini, yang diperkenalkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, perlu dihayati penduduk negara ini kerana ia akan menjadi satu rangsangan untuk mencapai kejayaan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau mengulas kejayaan perenang maraton Malaysia Abdul Malik Mydin yang mencatat sejarah sebagai rakyat Malaysia pertama berenang merentasi Selat Inggeris dari Pantai Abbot Cliff, Dover England ke Pantai Wissant, Calais, Perancis pada pukul 7.50 malam waktu tempatan (2.50 pagi waktu Malaysia).

Sebelum itu, Mohameed Isa menyampaikan anugerah penuntut cemerlang dan biasiswa ExxonMobil.

-- BERNAMA

RP RON